

18 JUN 1997

Mahathir-Perniagaan

SATU LAGI MISI KEJAYAAN UNTUK MALAYSIA

Oleh: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 18 Jun (Bernama) --Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke London hari ini selepas menamatkan lawatan rasmi tiga hari ke Lubnan yang menyaksikan kejayaan beliau dalam rundingan dengan kerajaan dan masyarakat perniagaan Lubnan untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara Malaysia dan negara Asia Barat itu.

Dalam pertemuan mereka, Perdana Menteri dan rakan sejawatannya, Rafic Hariri, bersetuju bahawa kedua-dua kerajaan perlu melaksanakan tiga perjanjian berhubung perdagangan bagi membina keyakinan di kalangan para pelabur dari kedua-dua negara.

Perjanjian itu yang dijangka ditandatangani tahun ini ialah Mengelak Cukai Berganda, Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan dan Perjanjian Bayaran Dua Hala.

Semasa dialog dengan ahli-ahli perniagaan selepas jamuan malam anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Lubnan malam tadi, Dr Mahathir dengan penuh yakin menjawab soalan-soalan daripada ahli-ahli perniagaan Lubnan yang mahu mengetahui dengan lebih lanjut mengenai insentif yang boleh ditawarkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa kestabilan politik dan hubungan rapat antara kerajaan dan sektor swasta ialah "rahsia" pencapaian ekonomi Malaysia.

Beliau juga berkata kerajaan adalah "mesra-perniagaan" dan ahli-ahli perniagaan mudah menemui beliau dan Menteri-menterinya.

"Kadang kala, apabila ahli-ahli perniagaan menghadapi masalah, kami akan membangkitkan perkara itu terus kepada Kabinet untuk mencari jalan mengatasinya," kata beliau.

Beliau berkata, walaupun Malaysia ialah anggota ASEAN, pertubuhan itu tidak menghalang Malaysia mencari rakan perdagangan dengan negara di bahagian lain dunia.

Dr Mahathir berkata, negara-negara membangun harus bekerjasama dalam usaha melindungi kepentingan mereka dan mengelakkan keadaan yang mana negara besar mengetepikan negara kecil terutama dalam apa yang dikatakan sebagai perdagangan tanpa sempadan.

"Malaysia tidak membantah idea untuk mengadakan pasaran terbuka. Tetapi dalam usaha mengadakan persaingan yang adil, peserta-pesertanya mestilah daripada taraf yang sama," kata beliau.

Semasa lawatan beliau, Dr Mahathir diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan delegasi 100 orang pegawai dan ahli perniagaan.

Semasa hari terakhir beliau di sini, Perdana Menteri melawat bandaraya lama Byblos, yang terletak 37km di utara Beirut dan meninjau tugu-tugu peringatan bersejarah yang menjadi tempat tarikan pelancong di Lubnan, negara yang mempunyai campuran budaya unik Barat dan Timur.

Media tempatan memberi liputan besar kepada lawatan Dr Mahathir dan menyifatkan Malaysia sebagai "kuasa ekonomi yang semakin meningkat di Asia". Dr Mahathir juga mengadakan wawancara eksklusif dengan rangkaian televisyen terkemuka di Lubnan, Future TV.

Semasa di sini, Perdana Menteri juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Proton Berhad dan Malaysian Lebanese Trading House Ltd, bagi pendedaran kereta-kereta Proton di Lubnan.

Sementara itu, Premier Equity, sebuah konsortium dengan lima pemegang saham, mengadakan perjanjian penjualan dengan Solidere, iaitu Syarikat Pembangunan dan Pembinaan Semula Daerah Tengah Beirut Lubnan, bagi

pembelian sebidang tanah di El Hosn, di sini.

Premier Equity bercadang membangunkan hotel/pangsapuri lima bintang di atas tanah itu, dengan projek itu dianggarkan menelan belanja AS\$65 juta (RM162.5 juta).

Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, yang mengetuai delegasi perniagaan itu, memberitahu wartawan Malaysia bahawa beliau meramalkan Lubnan akan kembali muncul sebagai pusat perdagangan terkemuka di Asia Barat dan "kita akan ketinggalan jika tidak mengambil kesempatan untuk berkongsi dengan mereka sekarang".

Menurut beliau, ketika beliau berkunjung ke Beirut lebih setahun lepas, beliau sendiri tidak begitu yakin terhadap potensinya tetapi kini beliau terkejut melihatkan pembangunan begitu pesat di sekitar Beirut yang menunjukkan komitmen tinggi di kalangan rakyatnya.

Beliau berkata ahli-ahli perniagaan Malaysia harus menggunakan Beirut sebagai "pintu masuk" barangan mereka sebelum diedarkan ke pasaran di rantau ini, terutama ke Syria dan Iraq.

Mengenai kesangsian terhadap keselamatan pelaburan memandangkan bahagian selatan Lubnan masih digugat oleh tentera Israel, Tajudin berkata usahawan Malaysia perlu bijak bertindak dan jangan terlalu cepat mahu menarik diri.

Beliau mengesyorkan dua cadangan iaitu melabur secara berkumpulan atau melibatkan rakan kongsi dari Israel bagi memastikan kepentingan mereka tidak tergugat jika berlaku ancaman daripada regim di selatan Lubnan itu.

"Langkah sebegini bukannya bererti kita tidak berusaha menentang keganasan, tetapi usahasama seperti ini memang wujud di Lubnan dan juga Mesir," katanya.

Tajudin berkata Penerbangan Malaysia (MAS) juga mungkin menjadikan Beirut sebagai pangkalannya bagi wilayah utara Afrika. -- BERNAMA

MOK NAK PR